



LKM400

BAHASA MELAYU

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

SEMESTER 1

**AKTIVITI PEMBENTANGAN BERKUMPULAN**

**TAJUK: GLOBALISASI MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA**

**NAMA AHLI:**

NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

JAGAATHISWARY A/P BALASUBRAMANIAM (137583)

NOR UMAIRAH BINTI SULAIMAN (134663)

## **Globalisasi Mengancam Keselamatan Negara**

Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia dibawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Melalui proses ini, dunia akhirnya tidak lagi mempunyai sempadan dengan ruang udara dan langit sesebuah negara itu terbuka luas untuk dimasuki oleh pelbagai maklumat yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan media komunikasi seperti internet, media elektronik, dan teknologi siber. Perkembangan ini memungkinkan perhubungan diantara sesebuah negara dengan negara yang lain dan perhubungan sesama manusia dapat dilakukan dalam tempoh yang singkat. Menurut Kamus Dewan globalisasi didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Manakala cediakawan barat mentakrifkan globalisasi sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti merangkumi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial, dan ekonomi yang boleh dirasai oleh seluruh umat manusia didunia ini. Ini bermakna segala-galanya menjadi milik bersama dalam konsep dunia tanpa sempadan. Sedar atau tidak sedar, kita kini berada dalam dunia siber dan dunia tanpa sempadan. Perkara ini yang dikatakan zaman globalisasi di mana teknologi maklumat menjadi agen utama perubahan gaya hidup manusia. Perkembangan teknologi menyebabkan sesuatu maklumat berada di hujung jari, tersebar dalam masa yang singkat, mempercepatkan sistem penyampaian maklumat, serta pergerakan manusia menjadi pantas. Globalisasi menyebabkan negara menjadi tumpuan utama pelabur asing lantas memperkembangkan ekonomi negara ini. Akibat globalisasi juga Malaysia menjadi antara destinasi pilihan pelancong seluruh dunia. Malaysia bukan sahaja menjalin hubungan perdagangan, malahan jalinan hubungan diplomatik dengan negara luar telah menjadikan Malaysia antara negara yang disegani oleh kawan dan lawan. Apa yang perlu diberi perhatian adalah ancaman negatif globalisasi terhadap gaya hidup masyarakat di negara ini. Jika gejala negatif ini tidak dibendung ia akan memberi kesan kepada generasi pelapis negara, keselamatan negara, pembentukan negara bangsa serta kemakmuran negara pada masa hadapan. Jatuh bangun sesebuah negara sangat bergantung kepada rakyat dan modal insan yang dimilikinya. Negara memerlukan modal insan yang kreatif, inovatif, bermaklumat, berintegriti, patriotisma, kuat jati dirinya serta mampu menangkis ancaman luar sama ada berbentuk fizikal atau mental.

Namun, akibat ledakan teknologi maklumat yang tidak terbatas serta kemabukan terhadap gajet-gajet terkini menjadikan masyarakat negara ini semakin lalai dan lupa akan tugas dan tanggungjawab mereka. Kelebihan teknologi maklumat kini telah diperalatkan dengan mudah oleh pengganas dan juga kartel dadah. Mereka telah menyalahgunakan kelebihan teknologi maklumat untuk menjalankan kegiatan yang mampu melumpuhkan masyarakat. Revolusi maklumat adalah sesuatu yang amat berkuasa untuk menubuhkan atau menggulingkan sesebuah kerajaan. Hal ini terbukti jika seseorang pembekal dadah menggunakan sistem rangkaian internet untuk berurusan dengan pengedar dadah yang lain untuk mengadakan pertemuan melalui kod-kod rahsia. Jadi, keadaan ini sudah tentu tidak dapat dihalang oleh pihak berwajib kerana mereka tidak dapat mengenalpasti tempat perjumpaan tersebut dengan tepat. Begitulah juga seandainya wujud manusia yang ingin menghancurkan sesebuah negara dengan melakukan hasrat mereka di sebalik komputer dan rangkaian. Justeru, keselamatan zaman maklumat masih lagi diragui lantaran wujudnya aktiviti-aktiviti tanpa sempadan ini yang boleh menggugat sistem keselamatan.

Bukan itu sahaja, teknologi maklumat kini juga telah dieksplot dengan begitu rakus bagi mencapai pelbagai tujuan. Teknologi secanggih internet ini telah digunakan untuk melaksanakan pelbagai jenayah seperti memeras ugut, menipu, menyebarkan bahan luah dan juga mencuri nombor kad kredit. Sememangnya fenomena ini amat menyediakan kerana teknologi yang dibangunkan bersama arus kemodenan telah digunakan untuk merosakkan manusia, biarpun teknologi maklumat membawa kemajuan dan kebaikan dalam hidup manusia. Sebenarnya masyarakat kita semakin bergantung kepada komputer dan sistem rangkaian sebagaimana kita bergantung kepada keperluan asas iaitu bekalan air dan elektrik. Namun alat ini akhirnya menimbulkan kegemparan awam dengan menggugat keselamatan para pengguna. Oleh yang demikian, semua pengguna dalam masyarakat maklumat hendaklah mempunyai kesedaran dan fahaman yang mendalam tentang isu keselamatan dan keperluan untuk membangunkan budaya keselamatan.

Gaya hidup masyarakat barat mudah mempengaruhi generasi kini dari segi percakapan, kelakuan dan sosial. Contohnya amalan budaya hedonisme dianuti oleh golongan yang menganggap kehidupan hanya untuk berhibur dan bersuka ria. Perkara ini menjadi asas pemikiran dan falsafah hidup golongan ini. Cara gaya hidup sehari-hari mereka ialah

mengamalkan hiburan yang menonjolkan budaya Barat malah dunia lakonan dan pembikinan filem juga berunsur gaya negara barat. Kajian menunjukkan masalah tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar adalah kesan daripada menonton filem berunsur keganasan. Remaja merupakan golongan yang paling banyak menggunakan media iaitu 21 hingga 22 jam seminggu dan terlalu meminati filem-filem yang bercorak ganas, perperangan, pembunuhan, dan sukan lasak. Kesan daripada pendedahan untuk jangka masa yang lama melalui media menyebabkan pelajar menjadi golongan yang paling aktif untuk meniru dan melakukan adegan ganas yang dilihat dari media. Tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar di sekolah menengah merupakan satu masalah yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan institusi pendidikan dan persekolahan. Masalah tingkah laku agresif perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya hal ini tidak menjadi isu yang boleh mendatangkan kesan negatif dalam perkembangan akademik dan sahsiah pelajar. Masalah ini juga perlu diselesaikan dengan teliti supaya peranan sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu dan jati diri pelajar tidak terjejas imej serta kredibilitinya.

Malaysia merupakan negara yang sangat terkenal dengan nilai-nilai moral yang tinggi. Sehingga kita sendiri berasa bangga dengan pengiktirafan tersebut. Walaupun begitu, cara pemikiran generasi muda kini mempengaruhi dan menjadikan Barat sebagai contoh terbaik dan beranggapan pemikiran timur ketinggalan dan tidak sesuai dengan zaman yang berubah dengan pantas. Hal ini menyebabkan nilai-nilai kesopanan dan adab susila tersebut yang menjadi aset paling berharga sudah semakin dilupakan dan ditinggalkan ke belakang. Masyarakat negara kita menganggap nilai-nilai murni ini masih belum berada pada tahap kritikal tetapi jika dilihat dari sudut lain, nilai-nilai ini sebenarnya sudah semakin jauh ditinggalkan. Ini terbukti dengan perkaraperkara kecil yang berlaku sehari-hari seperti di tempat-tempat awam. Misalnya, amalan memberikan keutamaan tempat duduk kepada yang lebih memerlukan seperti orang tua atau perempuan yang sarat mengandung sudah tidak lagi diamalkan. Malah, peningkatan kes-kes jenayah cukup membuktikan bahawa nilai-nilai ini sudah semakin jauh. Contohnya, budaya penagihan dadah, gejala vandalisme terhadap kemudahan awam, minuman keras, merokok, merogol, meragut dan melepak. Kita perlu menyelaraskan diri dengan teknologi supaya tertinggal dalam meniti kemajuan yang berlaku. Namun pada masa yang sama tanpa disedari, kita meninggalkan nilai-nilai murni dan budi bahasa yang selama ini menjadi kebanggaan dan contoh teladan kepada negara luar.

Kini pengaruh globalisasi melalui kemudahan Internet sangat mudah meresap dalam budaya dan jiwa kanak-kanak serta remaja yang berusia 12 hingga 17 tahun. Mereka seharusnya mendapat panduan daripada ibu bapa dan guru tentang bahaya dan pengaruh globalisasi. Kajian menunjukkan golongan ini adalah yang teramai menggunakan internet. Sebanyak 90 peratus daripada mereka menggunakan internet di sekolah, di rumah dan juga dalam kehidupan seharian. Mereka juga kebanyakannya masih tidak memahami keburukan internet yang dibawa oleh pengaruh globalisasi. Sementara itu, kajian mendapati sehingga Januari 2012, sembilan daripada 10 pemilik akaun Twitter yang paling ramai pengikut di dunia adalah bidang hiburan. Mendahului senarai tiga teratas ialah Lady Gaga dengan 18 juta pengikut, Justin Bieber, 16 juta dan Katy Perry, 14 juta. Jelaslah, bahawa bidang hiburan telah menguasai dan mempengaruhi remaja masa kini. Kemudahan internet kini boleh diakses oleh kirakira 90 peratus penduduk dunia khususnya dalam kalangan remaja. Di seluruh dunia, jumlah akses internet di rumah kini meningkat daripada 1.4 bilion pada tahun 2009 kepada hampir 1.6 bilion pada tahun 2010. Negara membangun telah meningkatkan langganan internet mudah alih dari 53 peratus pada tahun 2005 kepada 73 peratus pada tahun 2010. Remaja ketagih internet kerana banyak bahan berbentuk keseronokan yang disediakan oleh kemudahan internet. Kini permainan teknologi maklumat lebih memikat. Misalnya “PSP”, “Wii” dan sebagainya. Misalnya permainan badminton dapat dijalankan melalui “Wii” dengan seorang diri sebagai pemain. Pelbagai program permainan dapat dimuat turun daripada internet dan memberi kesan audio dan video lebih memikat. Sebaliknya congkak dikatakan membosankan dan tidak mencabar. Begitu juga dengan wau dan gasing yang memakan masa menyediakannya, memerlukan kemahiran dan kumpulan rakan-rakan. Misalnya kanak-kanak bandar tidak tahu meligat gasing. Kemudahan ini juga disalahgunakan.

Contohnya perbualan secara langsung merupakan perkhidmatan utama yang dilanggan oleh remaja dan mencetuskan masalah sosial dalam kalangan remaja terutamanya pelajar sekolah sehingga sanggup ponteng sekolah dan kurang tumpuan kepada pelajaran.

Setiap perkara atau permasalahan yang berlaku hendaklah diatasi agar masalah ini tidak menjadi wabak dalam kehidupan bersosial kerana globalisasi sering dikaitkan dengan dunia tanpa sempadan. Perkara yang menjadi persoalannya sekarang ialah adakah globalisasi ini akan menghapuskan ketamadunan dan ketenteraman yang ada. Sebenarnya ini hanyalah

pengurangan atau penghapusan beberapa sekatan yang pernah dibuat. Situasi ini menjadikan modal, perdagangan, teknologi dan manusia mampu bergerak bebas seolah-olah tiada sebarang undang-undang yang digariskan. Bertitik tolak daripada isu ini yang menjadikan globalisasi dianggap sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara dalam pelbagai aspek. Oleh itu, peranan daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi mengatasi masalah globalisasi ini kerana bimbang masalah ini akan menjelaskan keselamatan negara.

Penggunaan teknologi maklumat perlu dihadkan merupakan satu daripada langkah yang dapat dibuat bagi mengatasi masalah globalisasi. Teknologi maklumat ini bermaksud sebarang kaedah atau cara yang digunakan untuk menyebarkan, mencari dan memaparkan maklumat mengenai sesuatu maklumat atau peristiwa yang pernah dilalui. Penggunaan teknologi maklumat yang meluas dan tanpa batas ini telah menyebabkan berlaku banyak propaganda-proganda, fitnah dan menjadi dunia hiburan buat remaja kini. Pihak kerajaan seharusnya menyediakan satu modifikasi bagi penggunaan perisian internet yang dapat menyekat akses ke laman web yang tidak bermoral juga merupakan satu daripada langkah yang efisien dalam usaha untuk mengurangkan masalah tidak bermoral dalam kalangan remaja seperti akses mereka pada laman web pornografi dan aman web isu keganasan melampau. Penggunaan perisian teknologi maklumat ini secara tidak langsung dapat melahirkan ketamadunan yang terjaga. Sekatan dan pemeriksaan berkala oleh pihak kerajaan dapat menurunkan statistik jenayah kerana penggunaan teknologi maklumat. Banyak propaganda yang mampu meruntuhkan keharmonian hidup bermasyarakat telah dibangkitkan dalam teknologi maklumat. Fitnah disebarluaskan tanpa rasa bersalah oleh pengguna telah memberi impak negatif kepada bangsa, agama, dan negara. Langkah bagi mencegah masalah ini haruslah dibuat seawal kelahiran agar satu pendidikan awal bagi membentuk peribadi akaan datang. Jelaslah di sini masalah penggunaan teknologi maklumat yang berleluasa ini mampu dihalang penggunaannya dengan kerjasama semua pihak di negara ini.

Seterusnya pendidikan di sekolah juga merupakan langkah yang boleh dibuat bagi atasi masalah globalisasi. Hal ini demikian kerana pendidikan secara terus atau tidak ini mampu memberi pemahaman kepada pelajar agar melakukan sesuatu perkara secara terkawal mengikut keperluan semasa dan negara sahaja agar tidak menjelaskan keselamatan bersama. Sebagai contohnya, isu hedonisme yang menjadi satu fenomena buruk kepada remaja kini.

Sementelahan itu, sistem pendidikan dan latihan moral setiap sekolah haruslah dipergiatkan dan dipetingkatkan. Sistem pendidikan yang lebih peka dan teliti ini menjadikan masalah hedonisme yang melibatkan remaja yang suka berseronok semata-mata tanpa memikirkan akibat yang jelas terhadap perbuatan yang mereka lakukan. Guru boleh menjelaskan kepada golongan ini mengenai cara pemakaian yang tepat, adab dan tingkah laku seseorang individu memberi satu garis panduan yang jelas kepada remaja untuk mereka memahami tujuan sebenar kehidupan mereka. Betitik tolak daripada perkara ini, mereka tidak akan menyia-nyiakan kehidupan mereka. Oleh itu, didikan yang jelas dan teratur dari sekolah akan melahirkan remaja yang berjaya. Ketahuilah bahawa kehebatan remaja menjadi kayu ukur kepada tangkukpemerintahan akan datang.

Kesimpulannya, globalisasi yang berlaku di negara ini memberi banyak kesan negatif berdasarkan beberapa faktor. Pendek kata, tanpa kerjasama dan tolak ansur sudah pastinya globalisasi bakal menjadi sebab utama kenapa keselamatan negara terjejas. Cabaran globalisasi yang semakin meggerunkan masa kini memerlukan generasi yang berdaya tahan melalui ilmu dan kemahiran berdasarkan beberapa spek globalisasi yang telah dibicarakan dapatlah dikatakan bahawa dunia hari di abad ke-21 menghadapi cabaran dan perubahan yang amat hebat. Maka perhalusilah langkah-langkah yang dibuat sebaiknya bagi mengatasi cabaran yang ada ini. Pendek kata, keterlibatan semua pihak bagi mengawal perkembangan globalisasi ini amatlah diperlukan agar semua perkara yang berlaku berlangsung dengan baik. Sekali gus menjadikan keselamatan negara dalam keadaan harmoni dan terkawal.